

Piagam Madinah dalam Perlembagaan

» Syor masukkan frasa berkaitan tanggungjawab, kesetiaan kepada negara

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

► Bangi

Piagam Madinah yang diasaskan oleh Nabi Muhammad SAW lebih 1,400 lalu kini diterima oleh ahli akademik di seluruh dunia sebagai perlembagaan bertulis pertama wujud dalam sejarah penubuhan negara bangsa.

Pakar Perundangan, Prof Madya Dr Shamrahayu Abdul Aziz, berkata sebelum ini tidak pernah ada negara atau kerajaan yang menulis dokumen lengkap seperti Piagam Madinah.

Felo Utama Pusat Kajian Undang-Undang dan Politik, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM) itu berkata, Piagam Madinah me-



Sebahagian peserta yang hadir pada Muzakarah Ulama: Fiqh Muwatanah di UKM, Bangi, semalam.

[FOTO MUHD ASYRAF SAWAL/BH]

nyatakan secara jelas mengenai pelbagai perkara termasuk hubungan antara kaum, kewarganegaraan, kuasa pemimpin, kedudukan Rasulullah dan Allah dalam pentadbiran sesebuah negara Islam.

Katanya, Piagam Madinah juga mempunyai banyak persamaan dan perbezaan dari segi prinsip dengan Perlembagaan Persekutuan yang diamalkan di negara ini sekarang.

Wujud ruang kosong

“Walaupun Piagam Madinah mempunyai banyak persamaan dengan Perlembagaan Persekutuan diamalkan di Malaysia sekarang, terdapat ruang kosong iaitu dari segi penekanan secara jelas mengenai tanggungjawab rakyat kepada negara.

“Prinsip ini amat jelas dinyatakan dalam Piagam Madinah. Misalnya, kesetiaan kepada ne-

gara dan pemerintah adalah satu prinsip penting dalam Piagam Madinah tetapi tidak dinyatakan dalam Perlembagaan kita sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada BH selepas membentangkan kertas kerja bertajuk Piagam Madinah dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Perbandingan di Muzakarah Ulama: Fiqh Muwatanah di Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Berikutan itu, Shamrahayu mencadangkan supaya kerajaan memasukkan frasa berkaitan ‘tanggungjawab dan kesetiaan kepada negara’ sebagai satu perkara penting bagi menambah baik Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata langkah itu selaras dengan satu prinsip Rukun Negara iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara, sekali gus dapat mengingatkan rakyat mengenai tanggungjawab mereka kepada negara.

Terdahulu, beliau berkata, terdapat 11 prinsip utama dalam Piagam Madinah yang turut ditekankan menerusi Perlembagaan Persekutuan termasuk dari segi perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara, pemusatan kuasa, konsep kerakyatan dan kewarganegaraan, ketaatan kepada negara dan pemerintah.

Katanya, Piagam Madinah dan Perlembagaan Malaysia juga turut mengiktiraf kepelbagaian kaum dan agama, kesetiaan kepada negara dan perpaduan, hak asasi manusia, kerjasama, kedaulatan undang-undang, kehakiman dan keadilan serta keselamatan negara.